

17 OCT 2003

ISTERI KETUA NEGARA OIC LAWAT PAMERAN "SERIBU WAJAH" DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 17 Okt (Bernama) -- Para isteri ketua negara dan kerajaan ke Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ke-10 hari ini melawat pameran foto "Seribu Wajah Dr Mahathir: Satu Penghargaan Kepada Seorang Negarawan" di Balai Seni Lukis Negara di sini hari ini.

Yang turut mengiringi mereka isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali dan Datin Paduka Suraya Mohamed Noah, isteri Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

Pameran yang dirasmikan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Sirajuddin Syed Putra Jamalullai pada 6 Okt lalu, mempamerkan sebanyak 1,000 keping gambar Dr Mahathir meliputi 22 tahun beliau menyandang jawatan Perdana Menteri, yang sebahagian besarnya belum pernah disiarkan atau dipamerkan.

Pameran foto itu dianjurkan bersama oleh media Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Penerangan dan Pertubuhan Berita National Malaysia (Bernama) dan setakat ini menerima kunjungan 15,000 orang.

Turut diadakan sempena lawatan mereka ialah pertunjukan fesyen pakaian muslimah yang menutup aurat direka oleh pereka tempatan seperti Radzuan Radziwill, Salikin Sidik, Asliza Aris, Noraini Sharif, Melorwati Darus, Sharifah Kirana serta para pereka muda dari Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, Universiti Teknologi Mara.

-- BERNAMA
NKB AHH RON